

Media Title : Kosmo
Headline : Ibu hamil terpedaya aplikasi cuci rumah
Date : 10 January 2023
Section : Negara!
Page : 9



TASHA berkongsi pengalaman ditipu perkhidmatan mencuci rumah.

Ibu hamil terpedaya aplikasi cuci rumah

**AWAS
SCAM**



PETALING JAYA — Hasrat seorang wanita hamil untuk menggunakan khidmat tukang cuci rumah bukan sahaja tidak kesampaian, malah turut ditipu sehingga menyebabkan wang di dalam akaun banknya lesap.

Mangsa dikenali sebagai Tasha berkata, kejadian berlaku selepas dia ternampak aplikasi menawarkan perkhidmatan mencuci rumah di Facebook.

Menurutnya, dia memerlukan perkhidmatan itu kerana penat ekoran sedang hamil.

"Saya yakin dengan tawaran

yang diberikan selain ia iklan berbayar. Saya menekan pautan yang diberikan sebelum disambungkan kepada aplikasi WhatsApp.

"Mereka memberikan satu pautan lain untuk dimuat naik," jelasnya.

Tambahnya, pada mulanya dia berdepan kesukaran, namun berjaya selepas beberapa kali mencuba.

"Banyak servis yang ditawarkan dalam aplikasi itu, selepas mengisi butiran dan perlu menjelaskan deposit RM15.

"Saya memindahkan wang seperti biasa, sebelum menyedari kesemua wang dalam akaun lesap. Yang tinggal cuma RM1," ujarinya.

Tasha yang kerugian RM800 membuat laporan polis.

"Saya harap semua berhati-hati, jangan muat naik aplikasi meragukan," katanya.